

# SPN tingkat kebolehpasaran belia



KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan bersama Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan program Skim Perantisan Nasional (SPN) bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan belia.

SPN merupakan program kolaborasi rentas kementerian bagi peningkatan kemahiran (upskilling), latihan semula (reskilling) dan silang kemahiran (cross-skilling) untuk golongan belia yang berumur di bawah 35 tahun.

Program itu telah dilancarkan secara bersama oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan pada 22 Julai lalu.

Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran perantis melalui latihan *soft-skills* dan *on the job training*.

Ia juga menyediakan sistem sokongan kepada belia untuk memudahkan mendapat pekerjaan selain membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia.

Program ini berkonsepkan *place and train* yang sedia ada di Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dengan sasaran seramai 5,000 orang perantis akan menyertainya.



(DARI KIRI) M. Saravanan, Fadillah Yusof dan Reezal Merican Naina Merican ketika melancarkan Skim Perantisan Nasional 2020 di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), di Putrajaya pada Julai lalu. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

Ini merupakan program tawaran baharu bagi membantu melonjakkan kebolehpasaran belia dan menyediakan lebih banyak peluang untuk belia mendapat pengalaman bekerja.

Perantis akan memperoleh eluan mobiliti untuk pertukaran/perpindahan tempat kerja melebihi 100 km. RM600 seorang di antara Semenanjung/Sabah/Sarawak/Labuan dan RM1,000.00/ seorang daripada Sabah/Sarawak/Labuan ke Semenanjung atau sebaliknya.

Bayaran akan dibuat secara one off setelah perantis melaporkan diri kepada majikan.

Selain itu, perantis akan mendapat latihan *soft-skills* secara percuma seperti pengucapan awam, teknik penulisan, kemahiran negosiasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Ini merupakan satu nilai tambah kepada pencapaian perantis itu sendiri yang secara tidak langsung akan memberi impak positif kepada majikan/syarikat yang terlibat.

Sebagai permulaan, beberapa syarikat telah menyertai program SPN ini. Antaranya adalah syarikat yang berdaftar dibawah Human Resource Development

Fund (HRDF) dan syarikat yang bekerjasama dengan InvestKL.

Syarikat-syarikat yang terlibat dengan program SPN boleh menuntut Subsidi Upah melalui inisiatif PENJANA di bawah PERKESO dan subsidi latihan melalui HRDF.

Majikan akan mendapat manfaat subsidi upah PENJANA berjumlah RM600 dalam tempoh enam bulan dan subsidi latihan RM4,000 seorang dengan syarat majikan perlu berdaftar dengan PERKESO dan HRDF.

Setakat 23 November 2020, seramai 397 orang yang telah menyertai latihan, 376 orang

telah mendapat penempatan pekerjaan dengan 67 majikan/syarikat telah bekerjasama dalam program SPN bagi menyediakan peluang latihan dan pekerjaan kepada para belia.

Bagi belia yang berminat dan melepas syarat-syarat kelayakan, permohonan boleh dibuat melalui <https://perantisan.kbs.gov.my>

Majikan/syarikat yang ingin menyertai program SPN bagi menyediakan peluang latihan dan pekerjaan kepada belia boleh menghubungi sekretariat SPN melalui e-mel [spn@kbs.gov.my](mailto:spn@kbs.gov.my) atau talian 03-8871 3265/ 3264 / 3463.

## SPN bantu tingkat tahap pekerjaan

KUALA LUMPUR: Skim Perantisan Nasional yang merupakan program kolaborasi rentas kementerian Kementerian Belia dan Sukan bersama Kementerian Sumber Manusia membantu meningkatkan tahap pekerjaan pesertanya.

Seorang perantis SPN, Megat Nazryl Harith Khairuz Zamani berkata, dengan menyertai SPN beliau banyak mempelajari perkara baharu dalam perniagaan.

Katanya, beliau berharap daripada pengalaman yang diperoleh sebagai perantis SPN itu, beliau

akan diserap ke jawatan tetap.

"Saya gembira terpilih sebagai seorang perantis bagi program Place and Train di bawah SPN.

"Alhamdulillah saya ditawarkan sebagai perantis di A&W (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi mempelajari teknik pengurusan kedai makanan segera antarabangsa.

"Saya berharap dapat meningkatkan tahap pekerjaan saya di samping dapat ditawarkan ke jawatan tetap A&W selepas tamat program," katanya yang kini bertugas sebagai Penolong Pengurus Restoran A&W.



MEGAT NAZRYL HARITH KHAIRUZ ZAMANI



**Saya gembira terpilih sebagai seorang perantis bagi program Place and Train di bawah SPN. Alhamdulillah saya ditawarkan sebagai perantis di A&W (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi mempelajari teknik pengurusan kedai makanan segera antarabangsa."**

MEGAT NAZRYL HARITH KHAIRUZ ZAMANI